

**PENGAPLIKASIAN CORAK TRADISIONAL UKIRAN KAYU MELAYU KE  
DALAM SENI SERAMIK KONTEMPORARI**

**SITI HAWA BINTI ABDUL SAMAT**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Seni Halus)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2007

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

JUDUL:                   PENGAPLIKASIAN CORAK TRADISIONAL KE DALAM SENI SERAMIK  
                              KONTEMPORARI: (UKIRAN KAYU MELAYU)

**SESI PENGAJIAN: 2004/2007**

Saya                    **SITI HAWA BINTI ABDUL SAMAT**

Mengaku membenarkan tesis/laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \* sila tandakan

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan

Organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penulis  
Tarikh:

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia  
Tarikh:

Alamat Tetap:  
F.15, Kg.Pdg Kerasak,  
06350 Alor Setar ,  
Kedah Darul Aman.

Catatan: \*Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

\*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Pengaplikasian Corak Tradisional Ukiran Kayu Melayu Ke Dalam Seni Seramik Kontemporari**' telah disediakan oleh **Siti Hawa binti Abdul Samat** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Seni Halus**).

Diterima untuk diperiksa oleh :

\_\_\_\_\_  
Penyelia,  
(En. Awangko' Hamdan Awang Arshad)

Tarikh:

\_\_\_\_\_

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim.

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T, kerana dengan limpah keizinan-Nya dapat saya menyiapkan penulisan ilmiah ini, penulisan ini merupakan satu pelengkap dalam berkarya sebagai seorang pelajar seni dalam proses menghasilkan karya akhir. Ia bertujuan sebagai landasan berkarya dan mempunyai isi kandungan karya yang akan dihasilkan. Sekalung penghargaan dan ucapan jutaan terima kasih kepada Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif kerana menerbitkan penulisan ini. Terima kasih juga kepada Pusat Khidmat Maklumat Akademik(CAIS), Galeri Petronas(Art Resource Centre), Balai Seni Lukis Negara, Galeri Shah Alam dan semua galeri-galeri yang telah memberi komitmen dan kesudian memberi katalog serta maklumat lain yang banyak membantu berkenaan penulisan ilmiah saya. Jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Seni Visual dan Teknologi iaitu En. Zulkarnain Bin Zainal Abidin, En Wan Jamarul Imran Bin Abdullah Thani, En. Yakup Mohd Rafee, En Anuar Bin Ayob dan terutama kepada En. Awangko Hamdan selaku *supervisor* yang telah banyak membimbing, memberi tunjuk ajar dan membuka minda serta memberikan suntikan bernas terhadap permulaan penulisan ini melalui kritikan daripada beliau terhadap perkembangan penulisan ilmiah ini memberi pandangan dan komitmen yang tidak terhingga untuk melengkapkan penulisan ini. Tidak lupa kepada ayah, Abdul Samat bin Ismail dan ibu, Fatimah binti Man, serta keluarga kandung dan keluarga angkat tersayang ayah, Kerya bin Hamid dan emak, Cik Kama bt. Man, atas sokongan moral dan kewangan yang diberikan kepada saya sepanjang kajian terhadap penulisan ilmiah yang dilakukan. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut

memberi pandangan dan semangat yang tidak terhingga, amat saya hormati dan menyanjung tinggi. Semoga kajian ini dapat membuka minda dan memberi satu pengetahuan tentang Seni Ukiran Melayu Tradisional yang semakin dilupakan oleh generasi muda. Kita sebagai generasi muda masa kini haruslah memeliharanya daripada terus ditelan zaman. Serangkap pantun dititipkan untuk mengakhiri ucapan terima kasih.

*“Lebat daun bunga tanjung,*

*Berbau harum bunga cempaka,*

*Adat dijaga pusaka dijunjung,*

*Baru terpelihara adat pusaka”.*

## ISI KANDUNGAN

---

### **BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN**

### **PENGAKUAN**

### **PENGHARGAAN**

### **ISI KANDUNGAN**

### **ABSTRAK**

### **ABSTRACT**

### **BAB 1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

1.0	Pengenalan	1
1.1	Sejarah	2
1.2	Definisi	3-5
1.3	Hipotesis Kajian	6
1.4	Metodologi Kajian	7
1.5	Permasalahan Kajian	8
1.6	Objektif Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10-11
1.8	Skop Kajian	11

### **BAB 2 KAJIAN TAJUK**

2.1	Pengenalan	12-13
2.2	Seni ukir Melayu melambangkan identiti dalam masyarakat Melayu	13-14

2.3	Unsur alam semula jadi serta konsep ketuhanan dalam seni ukir kayu	15-18
2.3.1	Hubungan manusia dengan Tuhan	19
2.3.2	Konsep kehidupan	19-20
2.4	Jenis-jenis pola	20-21
2.4.1	Pola Bujang	21
2.4.2	Pola Pemandang	22
2.4.3	Pola Lengkap	22-23
2.5	Unsur-unsur dalam seni ukir	23
2.5.1	Unsur makhluk hidup	23-24
2.5.2	Unsur Kosmos	24
2.5.3	Unsur Geometrik	25
2.5.4	Unsur Kaligrafi	25-26
2.5.5	Unsur Tumbuh-tumbuhan	26
2.6	Kepercayaan Orang Melayu Terhadap Semangat Kayu	27-28
2.6.1	Pengaruh ukiran kepada kehidupan	29-31

### **BAB 3 MOTIF DALAM SENI UKIRAN MELAYU TRADISIONAL DALAM SENI TAMPAK MALAYSIA**

3.1	Kajian Motif Dalam Kontek Tatabahasa Seni Tampak	32-34
-----	--	-------

### **BAB 4 PENERAPAN MOTIF TRADISIONAL DALAM SENI TAMPAK MALAYSIA (KONTEMPORARI)**

4.1.		35-42
------	--	-------

<b>BAB 5 KARYA PERIBADI</b>	
5.1 Konsep dan Idea	43-45
5.1.1 Karya peribadi	45-47
5.2 Pengolahan Bahan & Teknik	47-48
5.3 Proses Kerja	48-52
5.4 Kesimpulan	52-54
Senarai ilustrasi	55-56
<b>RUJUKAN</b>	58-59



## **ABSTRAK**

Seni Ukiran Melayu Tradisional merupakan salah satu khazanah estetika yang terulung dalam masyarakat Melayu. Di samping itu, ia merupakan bahantara dalam proses naratif mengenai alam semula jadi, kepercayaan, kehidupan, dan dapat melahirkan hubungan antara manusia dengan Penciptanya, secara abstraknya juga merupakan unsur hiasan yang indah.

## **ABSTRACT**

The Malay Traditional art of carving is a one of esthetic treasure which has high value aesthetic in Malay society. Besides that, it also is a medium in narrative process about nature, belief in life and builds the relationship among people and the Creator. In abstract it also known as and beautiful element.

PENGAPLIKASIAN CORAK TRADISIONAL UKIRAN KAYU MELAYU  
KE DALAM SENI SERAMIK KONTEMPORARI

**BAB 1:**  
**LATAR BELAKANG KAJIAN**

**1.0 Pengenalan**

Dato' Syed Ahmad Jamal dalam buku **Rupa & Jiwa** menyatakan bahawa:  
*Seni rupa Melayu ialah penjelmaan unsur-unsur dari alam semulajadi kepada sesuatu bentuk karya seni rupa. Karya seni itu, terhasil daripada penghayatan dan pemikiran pencipta yang dijelmakan melalui impian, lalu mencerminkan suasana harmoni di antara manusia dengan alamnya.*

Oleh yang demikian, transformasi idea oleh pengkarya melalui penglihatan dan pengalaman menjadi satu elemen penting dalam menghuraikan sesuatu karya yang dihasilkan dalam seni tampak.

Dalam konteks ini, pengkaji memfokuskan kajian terhadap seni ukiran kayu tradisional Melayu. Elemen penting dalam bentuk ukiran Melayu adalah ianya lebih mementingkan sifat gerak yang bermula dari suatu punca dan terus tumbuh perlahan-lahan serta berliku-liku. Lazimnya, imbangan semukur di antara bahagian yang positif dengan yang negatif terdapat pada ukiran. Dalam ukiran dapat dilihat sifat merendah diri, iaitu jika diperhatikan pada bahagian hujung sesuatu ukiran jarang sekali berdiri tegak atau melentik jauh keluar dan dari segi bentuk dan motifnya terkawal dalam keadaan sederhana serta tiada unsur berlebih-lebihan.

## 1.1 Sejarah

Seni ukiran hiasan kayu yang berkembang hingga hari ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri sejak berabad-abad yang lalu, tetapi sukar untuk menentukan siapa yang memulakan dan dari mana asalnya kerana tidak terdapat sebarang catatan yang jelas mengenainya. Walaupun kegiatan seni ukir amat ketara di negeri Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu, dan Pahang, seni ukir juga mendapat tempat di negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu seperti Kedah, Perak, dan Melaka.

Negeri Pantai Timur pernah mempunyai hubungan rapat dengan negeri Patani hubungan antara negara ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi perkembangan dan corak seni ukir di Tanah Melayu. Sebelum kedatangan Islam ke rantau ini, unsur kepercayaan Hindu adalah pengaruh yang paling ketara yang turut diabadikan di dalam seni hiasan termasuk ukiran. Unsur-unsur patung, binatang, dan makhluk abstrak menjadi motif yang paling digemari. Di zaman pengaruh kebudayaan Hindu yang bermula pada abad pertama selepas Masihi hingga abad ke-14, telah berlaku suatu perubahan kepada kebudayaan Melayu asli. Hasil dari pertembungan kedua-dua kebudayaan itu kebudayaan Hindu telah berjaya meresapi kebudayaan Melayu yang diamalkan oleh masyarakat tempatan. Akhirnya terjadilah penyesuaian budaya. Contohnya bahasa, kesusasteraan, agama, adat istiadat, dan sebagainya mula meresapi kebudayaan Melayu. Tetapi setelah kedatangan Islam, beransur-ansur Islam melarang penggunaan patung dan binatang sebagai motif ukiran kerana bertentangan dengan akidah kecuali motif tumbuhan, bunga-bungaan, geometri, dan kaligrafi. Bentuk tumbuh-tumbuhan dalam seni ukir Melayu mempunyai sifat pepohon yang diperoleh mengikut pilihan, selera, dan kepekaan seniman Melayu.

## 1.2 Definisi

*Contemporary- Current, belonging to the same period of time. Usually referring to our present time, but can refer to being current with any specified time. ([www.artlex.com](http://www.artlex.com))*

“Seni kontemporeri, seperti catan, arca dan bentukan seni yang lain, merupakan seni modenis yang bertradisi yang telah melalui penggunaan media yang pelbagai kelihatan mudah disifatkan, tetapi agak mengelirukan. Kekeliruan ini adalah atas dasar perlakuanya yang dianggap tidak ‘siuman’ lebih lagi berhubung dengan pemahaman abstrak”. (Badrul Hisham.1998:6, Pameran: *’KeMalaysiaan Seni Lukis Malaysia, Soal Identiti’*, Sept.1991, Balai Seni Lukis Negara.)

Definisi di atas jelas menunjukkan bahawa dalam konteks masa, kontemporeri bermakna pada masa sekarang dan terkini. Dalam konteks seni ukiran Melayu tradisi telah mengadaptasikan unsur-unsur hiasan atau unsur seni dekoratif dalam penghasilan karya kontemporeri.

*Ukiran* ialah hasil seni rupa tradisi Melayu yang terulung. Ianya juga dapat didefinisikan sebagai seni kerajinan tangan dan ianya telah lama wujud dalam masyarakat Melayu. Seni ukiran yang dipersembahkan melalui bahan kayu ini sama dengan seni ukiran yang terdapat pada batu, tanah dan lain-lain bahan logam. Cuma yang dapat dibezakan ialah cara dan teknik pengukirannya sahaja. Dua faktor yang menjadikannya sedemikian ialah pertama, faktor alam semula jadi yang kaya dengan kayu yang digunakan sebagai bahan binaan, alat, perahu, senjata, dan hiasan. Faktor kedua adalah kekayaan tumbuh-tumbuhan yang memberi ilham kepada pencipta untuk mewujudkan jenis-jenis bentuk dan motif ukiran kayu.

Kayu ialah sumber alam yang sangat sesuai dan baik untuk diukir atau dijadikan struktur bangunan. Namun begitu, bahan ini juga mudah terbakar dan reput jika tidak diawasi dengan baik, lebih-lebih lagi jika terdedah kepada cuaca hujan dan panas. Walau bagaimanapun, ada juga ukiran-ukiran yang dapat bertahan sehingga beratus ratus tahun sekiranya ukiran-ukiran tersebut diperbuat daripada kayu jenis terbaik dan tahan seperti cengal, meranti, merbau, kempas, penak, bacang hutan dan lain-lain. Dengan menggunakan kayu-kayu jenis terbaik ini dalam kerja-kerja kreatif mereka, pengukir-pengukir ini bukan sahaja dapat memelihara ketahanan ukiran-ukiran tersebut tetapi juga dapat menjaga mutunya.



*Ilustrasi 1.*



*Ilustrasi 2.*



*Ilustrasi 3.*



*Ilustrasi 4*

Penggunaan bahan tumbuhan seperti dalam ukiran kayu begitu meluas sekali. Dalam senibina tradisi Melayu, ukiran awan larat samada tebuk tembus atau di atas permukaan sahaja begitu banyak ditemui pada istana Tengku Long, rumah Tele dan rumah potong Belanda di Kompleks Muzium Terengganu di Losong, Kuala Terengganu.

### **1.3 Hipotesis Kajian**

- 1.3.1 Kajian yang dibuat akan difahami oleh masyarakat luar agar mereka lebih mengerti tentang seni dengan lebih mendalam.
- 1.3.2 Kajian yang dibuat juga akan dapat memartabatkan corak ukiran kayu tradisional bukan sekadar seni ukiran kraftangan malah lebih daripada itu.
- 1.3.3 Kajian ini juga dapat menggambarkan nilai estetika tentang corak etnik dan bukannya bentuk eksploitasi.
- 1.3.4 Motif tradisional ukiran Melayu banyak berkisarkan tentang alam semulajadi dan mempunyai konsep tauhid disebalik ukiran yang dihasilkan.



#### **1.4 Metodologi Kajian**

Menurut Kamus Dewan Dwibahasa, metodologi bermaksud kata nama sains atau kaedah (terutama dalam perkara ilmiah). Untuk membuat sesuatu kajian, ia memerlukan beberapa metodologi bagi mengukuhkan lagi sesebuah kajian tersebut. Dalam kajian ini, pengkarya telah menggunakan beberapa metodologi bagi memantapkan kajian ini. Kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengumpul data primer serta data sekunder adalah kajian kuantitatif dan kajian kualitatif.

Pengkaji telah menggunakan kaedah kajian kualitatif iaitu kaedah, pemerhatian, fotografi, dan analisis data, temuramah atau wawancara serta soal selidik. Data sekunder iaitu buku serta internet, malah rujukan daripada katalog juga digunakan oleh pengkarya. Data primer tidak digunakan oleh pengkarya iaitu kaedah temuramah atau wawancara serta soal selidik. Di samping itu, kaedah pemerhatian dan fotografi digunakan untuk mengumpul data yang berbentuk visual.

## **1.5 Permasalahan Kajian**

- 1.5.1 Sepanjang membuat kajian ini terdapat beberapa kajian masalah yang dikenal pasti mengenai ukiran kayu tradisional.
- 1.5.2 Menterjemahkan motif dalam konteks seni kerana motif ini sering dikaitkan dengan kraftangan.
- 1.5.3 Kurang kesedaran terhadap nilai-nilai estetika dan naratif disebalik ukiran kayu tradisional.
- 1.5.4 Ketandusan buku ilmiah tentang budaya dan seni tanah air sememangnya dirasakan. Kesukaran yang dihadapi dalam membuat rujukan dan mendalami sejarah seni rupa Melayu telah mendorong penulis mengkajinya tajuk tersebut.

## **1.6 Objektif kajian**

- 1.6.1 Cuba melihat bagaimana fungsi elemen motif-motif dalam seni ukiran kayu Melayu tradisional mempunyai kaitan dengan alam semulajadi dan konsep tauhid.
- 1.6.2 Mengangkat martabat seni ukiran Melayu tradisional supaya tidak dipandang sebagai barangan kraftangan.
- 1.6.3 Melihat kesesuaian reka corak dan motif ukiran melayu tradisional untuk diterapkan ke atas medium-medium baru dalam kontek seni kontemporari.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Adalah menjadi salah satu kewajipan bagi pelajar tahun akhir FSGK. Ia merupakan kajian ilmiah dan pelengkap dalam berkarya. Ini kerana, dengan kajian ilmiah pengkarya dapat bercerita dan mendalami subjek kajian dengan lebih mendalam. Selain itu, kajian ini juga dibuat untuk mengkaji mengenai seni ukiran kayu Melayu tradisional yang semakin dilupakan oleh segelintir masyarakat, kerana ianya melambangkan identiti dalam masyarakat melayu pada suatu masa dahulu.

Ini kerana ukiran mempunyai pertalian unsur alam semulajadi serta konsep ketuhanan yang perlu diketahui. Disamping itu, penulis telah melihat dalam konteks kepercayaan Orang Melayu terhadap semangat kayu. Ia sekaligus menyentuh serba sedikit tentang kepercayaan dalam penerapan nilai-nilai Islam dalam seni ukir tersebut serta pengaruh ukiran kepada kehidupan. Justeru, penulis juga mengkaji seperti warna, bentuk, komposisi dan pelbagai lagi yang terkandung dalam motif-motif atau corak yang terdapat pada ukiran kayu.

Di samping itu, penulis ingin mengkaji serba sedikit tentang penerapan motif motif ukiran kayu yang digunakan oleh artis Malaysia sebagai subjek kajian mereka dalam berkarya. Oleh yang demikian penulis penulis mampu mengaitkan dan memahami bagaimana seseorang artis itu menyampaikan mesej melalui karya seni yang dihasilkan. Tambahan lagi, setiap pengkarya mempunyai idea dan pengertian yang tersendiri . Oleh itu, sebagai pelajar seni adalah telah menjadi suatu kewajipan untuk

mengkaji perkara tersebut sebagai panduan dan rujukan untuk menghasilkan karya yang berkualiti.

## **1.8 Skop Kajian**

Kajian ini dibuat dalam skop mengenali dan memahami motif-motif atau corak seni ukiran kayu Melayu tradisional . Hal ini memudahkan penulis mengkaji skop kajian yang dijalankan. Dengan mengkaji seni ukiran tersebut penulis dapat mengetahui dan mandalami serba sedikit mengenai ukiran untuk menghasilkannya dalam karya kontemporari.

## **BAB 2: KAJIAN TAJUK**

### **2.1 Pengenalan**

Ukiran kayu adalah salah satu hasil seni rupa tradisi Melayu yang terulung. Ia adalah satu seni menyobek permukaan papan atau bungkah kayu bagi mencorakkan sesuatu motif. Terdapat lima jenis motif yang biasa diterap pada kayu, iaitu flora, fauna, kosmos, geometri, dan khat. Proses penyobekan adalah satu menifestasi ilham tukang ukir. Menifestasi ini berbentuk abstrak atau simbolik seperti daun atau bunga flora yang dibentuk secara tebuk tembus atau tebuk timbul. Bentuk yang diukir selalunya tidak menyerupai objek flora secara langsung tetapi diolah dalam bentuk simbolik agar menyerupai objek tersebut. Pengolahan secara simbolik ini adalah satu seni pertukangan yang wujud sebelum abad ke-16 di Semenanjung Malaysia.<sup>1</sup>

Menurut Zulkifli Hanafi, 1996, *falsafah seni ukir sebenarnya adalah ekspirasi kecintaan pada keindahan. Keindahan pula lahir dari kejujuran seni yang memerlukan kesabaran dan ketekunan.* Ini membuktikan seni ukir yang sudah lama bertapak di persada seni warisan Melayu adalah merupakan satu peradaban yang paling tinggi nilainya kerana ia merupakan sesuatu seni yang belum dipengaruhi oleh sebarang unsur-unsur lain dan sehati dengan masyarakat Melayu terutamanya di Semenanjung Malaysia.

Seni rupa Melayu memperlihatkan kaitan eratnya dengan budaya dan amalan seharian. Faktor-faktor seperti peraturan-peraturan alam yang berkaitan dengan kehidupan dan pantang larang dalam proses penciptaannya juga diambil kira;

*the art-making activity is governed by unwritten rules which reveal a social hierarchy, taboos and a whole cosmology.*

Penciptaan seni rupa Melayu terbahagi dan dipunyai oleh dua golongan penaung atau pemakainya; iaitu kumpulan pertama untuk golongan raja dan pembesar-pembesar melayu manakala kumpulan kedua ialah seni untuk rakyat biasa. Walaupun seni untuk golongan pertama itu disebut sebagai seni istana dan untuk golongan disebut seni rakyat, namun tukangnyanya atau perekanya terdiri daripada kumpulan yang sama iaitu rakyat jelata. Keseluruhan seni istana yang mendapat penaung golongan feudal dan pemerintah tempatan boleh dianggap dalam kategori 'Seni Berhalus' dan kebanyakan seni rupa rakyat lebih mengutamakan aspek kegunaan harian semata-mata disamping penambahan seni reka pada bahagian luarnya.

## **2.2 Seni Ukir Melayu melambangkan identiti dalam masyarakat Melayu.**

Manusia, masyarakat dan kebudayaan merupakan kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Ketiga-tiga aspek ini berkait rapat dengan falsafah, tamadun dan idea. Penciptaan sesebuah karya seni rupa melayu tidak dapat diasingkan dari faktor-faktor tersebut. Perubahan citarasa yang berlaku dalam masyarakat melayu akan menentukan nilai-nilai hidup, mencari kepuasan dan mencipta bahan budayanya titik. Walaupun ia menerima perubahan namun alam pemikirannya dan proses mencipta sesuatu serikali dipengaruhi oleh masa lampau masyarakatnya dan adapt resam yang diamalkan. Ini disebut oleh Bierens De Haan seorang ahli sosiologis Belanda sebagai unsur statis yang berpasangan dengan unsur dinamis iaitu sesuatu yang ditokok tambah kemudiannya.<sup>2</sup>

Proses perubahan sosial masyarakat Melayu juga akan mengambil kira kesemua aspek di atas. Proses penciptaan seni rupa melayu akan dipengaruhi oleh agamanya, nilai-nilai budaya, masyarakat, sejarah dan adat resam. Ia tidak dihayati sebagai sesuatu yang terasing dari alam persekitaran.

Keris hanyalah sejenis senjata orang Melayu yang digunakan sepenuhnya dalam kerajaan Melayu sebelum kedatangan penjajah Inggeris. Ia melambangkan kesempurnaan kewibawaan Melayu dan barang pusaka yang mempunyai magis. Senjata ini terkenal ia mewakili kebudayaan di Kepulauan Melayu dan penting sebagai alat istiadat negeri. *Maka Megat Panji Alam pun memakai keris. Panjangnya perbuatan Minangkabau, empat jengkal dan memakai pendua berhulukan bawang sebungkal ditatahkan permata merah.*<sup>3</sup> Tun Sri Lanang menyatakan bahawa Sang Guna "...ialah yang pertama membuat keris Tempa Melaka, panjang tengah tiga jengkal" pada zaman Sultan Muhammad Syah (1488 -1511) bentuk mata keris berlekuk serta motif atau corak ukiran yang terdapat hulu keris melambangkan identiti Melayu yang masih kekal. Keris juga dianggap sebuah karya seni yang dianggap sebagai penghubung di antara pemerintah dan yang diperintah. Sebagai contoh dalam '**Sejarah Melayu**' peranan keris tidak sahaja digunakan untuk mempertahankan Negara dan maruah diri, malah ia sebagai suatu simbolik hubungan dan kesetiaan hulubalang Melayu kepada rajanya. Penganugerahan keris '**Taming Sari**' kepada Hang Tuah sebagai lambing pengiktirafan raja kepada Laksamana Hang Tuah. <sup>4</sup>